

BAB TIGA

PEMBANDARAN DAN PERANCANGAN SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

3.1 PENGENALAN

Kedinamikan pembandaran dan perkembangan bandar merupakan fenomena yang tidak dapat dipisahkan daripada bidang perancangan bandar. Fenomena ini lazimnya dikaitkan dengan peningkatan jumlah penduduk di sesuatu kawasan. Peningkatan penduduk yang pesat secara langsung akan meningkatkan permintaan penduduk terhadap kemudahan sekolah rendah. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan perlu memastikan supaya setiap pembangunan taman perumahan baru mempunyai tapak sekolah rendah.

Pihak berkuasa tempatan melalui mekanisme kawalan pembangunan menggunakan piawaian perancangan untuk memastikan pihak pemaju menyediakan tapak sekolah rendah sebelum pihak berkuasa tempatan meluluskan sebarang pembangunan taman perumahan.

Bahagian ini akan menghuraikan mengenai pembandaran di Malaysia dan implikasinya kepada pembangunan fizikal pendidikan. Bahagian ini juga menjurus kepada aspek perancangan sekolah rendah dari perspektif pihak berkuasa tempatan.

3.2 PEMBANDARAN DAN IMPLIKASINYA KEPADA PEMBANGUNAN SEKTOR PENDIDIKAN


Petunjuk pembandaran yang mudah dan lazim digunakan ialah statistik kependudukan (Goh, 1991). Pembandaran didefinisikan sebagai proses pertumbuhan penduduk kepada bilangan tertentu yang boleh melayakkan sesebuah kawasan itu menjadi sebuah bandar¹. Pertumbuhan penduduk ini berlaku disebabkan oleh samada pertumbuhan semulajadi atau migrasi penduduk luar bandar ke bandar, atau kedua-duanya (Goh, 1991).

3.2.1 Peningkatan penduduk bandar

Anggaran Bangsa-bangsa Bersatu menunjukkan terdapat kecenderungan bagi penduduk dunia untuk bertumpu ke kawasan bandar. Menurut jangkaan, kira-kira 50 peratus penduduk dunia akan tinggal di bandar menjelang tahun 2000 dan menjelang 2025, lebih daripada 60 peratus penduduk dunia akan tinggal di bandar (Sham Sani, 1995).


Malaysia juga tidak terkecuali daripada fenomena sejagat ini. Pada tahun 1970, kadar pembandaran di Malaysia adalah 28.8 peratus dan meningkat kepada 34.2 peratus pada tahun 1980. Manakala pada tahun 1990 kadar pembandaran adalah 40.7 peratus dan meningkat kepada 58.8 peratus pada tahun 2000. Rajah 3.1 menunjukkan kadar pembandaran di Malaysia dalam tempoh 1970 hingga 2000. Peningkatan kadar pembandaran tidak semestinya diiringi dengan peningkatan kadar pertumbuhan purata penduduk di bandar. Ini dapat dilihat pada kadar pertumbuhan tahunan purata penduduk dalam tempoh 1970 hingga 2000 di mana kadar tersebut semakin menurun menjelang tahun 2000 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2.

RAJAH 3.1 :
KADAR PERBANDARAN DI MALAYSIA (1970-2000)



Diolah daripada : Kerajaan Malaysia, 1981. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
 Kerajaan Malaysia, 1986. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)
 Kerajaan Malaysia, 1991. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)
 Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

RAJAH 3.2 :
KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN PURATA PENDUDUK BANDAR DI MALAYSIA (1970-2000)



Diolah daripada : Kerajaan Malaysia, 1981. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
 Kerajaan Malaysia, 1986. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)
 Kerajaan Malaysia, 1991. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)
 Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

Penurunan kadar pertumbuhan penduduk ini disebabkan oleh faktor sosial dan ekonomi masyarakat moden yang mempengaruhi usia berkahwin dan bilangan anak per keluarga di kalangan penduduk bandar. Peningkatan penduduk bandar dari masa ke semasa merupakan petunjuk kepada pembandaran. Penduduk bandar pada tahun 1970 adalah seramai 2.6 juta dan meningkat kepada 4.1 juta pada tahun 1980 (RM7, 1996:162). Pada tahun 1985, penduduk bandar adalah 5.1 juta dan meningkat kepada 9.47 juta orang pada tahun 1991 (RM7, 1996:162). Peningkatan kadar pembandaran ini turut digambarkan oleh pertambahan bilangan kawasan bandar daripada 67 pada tahun 1980 kepada 129 pada tahun 1991 (RM7, 1996:162).

Jumlah penduduk bandar telah meningkat daripada 9.5 juta pada tahun 1991 kepada 11.3 juta pada tahun 1995 iaitu pada kadar 4.5 peratus setahun (RM7, 1996:162). Ini telah menyebabkan peratusan penduduk yang bermastautin di kawasan bandar bertambah daripada 51 peratus pada tahun 1991 kepada 54.7 peratus pada tahun 1995. Banci Penduduk 1991 menunjukkan 51 peratus daripada penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 1991 berbanding dengan 34 peratus pada tahun 1980 iaitu pada kadar pertumbuhan 5.1 peratus setahun (RM7, 1996:113).

Taburan penduduk di pusat bandar juga menunjukkan corak yang serupa di antara tahun 1980 dan 1991. Lebih 70 peratus daripada penduduk bandar mendiami pusat bandar yang mempunyai penduduk melebihi 75,000 orang. Seramai 13.7 juta atau kira-kira 58.8 peratus daripada jumlah penduduk negara dijangka mendiami kawasan bandar menjelang tahun 2000 (RM7, 1996:171).

Kadar pembandaran yang tinggi ini berlaku akibat daripada perkembangan dalam sektor ekonomi moden dalam pembuatan dan perkhidmatan, penubuhan pusat-pusat pembangunan baru dan bandar-bandar keluasan sederhana serta penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar (RM4, 1981:88).

3.2.2 Permintaan terhadap kemudahan sekolah rendah

Pembandaran dan peningkatan penduduk telah memberi implikasi kepada peningkatan permintaan terhadap kemudahan sekolah. Peningkatan permintaan boleh digambarkan dengan peningkatan enrolmen di institusi pengajian awam² dalam beberapa tempoh waktu seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.1. Di antara tahun 1970 sehingga tahun 2000, lebih daripada 50 peratus daripada enrolmen di institusi pengajian awam adalah di sekolah rendah.

Pada tahun 1970 terdapat kira-kira 1.6 juta enrolmen sekolah rendah yang merangkumi 75 peratus daripada jumlah enrolmen di institusi pengajian awam di Malaysia. Jumlah ini meningkat kepada 2.0 juta pada tahun 1980. Pada tahun 1985 pula, jumlah enrolmen sekolah rendah adalah 2.2 juta dan meningkat kepada 2.4 juta pada tahun 1990 iaitu hampir 60 peratus daripada jumlah enrolmen institusi pengajian awam Malaysia. Enrolmen sekolah rendah dijangkakan meningkat kepada 2.9 juta pada tahun 2000 yang merangkumi kira-kira 52 peratus daripada jumlah enrolmen di institusi pengajian awam Malaysia. Peningkatan enrolmen di institusi pengajian awam di antara tahun 1970-2000 ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

JADUAL 3.1: ENROLMEN DI INSTITUSI PENGAJIAN AWAM 1970-2000
(JUTA ORANG)

PERINGKAT PENDIDIKAN	TAHUN					
	1970 Juta orang (%)	1980 Juta orang (%)	1985 Juta orang (%)	1990 Juta orang (%)	1995 Juta orang (%)	2000 Juta orang (%)
Pra sekolah	-	-	0.16 (4.3)	0.17 (4.2)	0.26 (5.2)	0.39 (7.1)
Rendah	1.6 (75.0)	2.0 (63.8)	2.2 (58.5)	2.4 (59.2)	2.7 (56.1)	2.9 (51.5)
Menengah rendah	0.43 (19.3)	0.81 (25.8)	0.92 (24.6)	0.94 (22.8)	1.1 (22.8)	1.3 (22.5)
Menengah atas	99,637 (4.4)	0.24 (7.9)	0.33 (8.9)	0.37 (9.0)	0.51 (10.4)	0.69 (12.3)
Menengah tinggi*	13,635 (0.7)	31,498 (1.0)	52,390 (1.4)	73,980 (1.8)	80,080 (1.6)	95,530 (1.7)
Pendidikan guru	2,927 (0.1)	13,247 (0.4)	16,560 (0.4)	21,750 (0.5)	35,410 (0.7)	32,000 (0.6)
Sijil	369 (0.1)	2,014 (0.1)	6,880 (0.2)	10,130 (0.2)	17,080 (0.3)	21,290 (0.4)
Diploma	3,318 (0.1)	2,603 (0.1)	25,050 (0.7)	32,020 (0.8)	46,930 (1.0)	61,900 (1.1)
**Ijazah	7,677 (0.3)	21,944 (0.7)	37,840 (1.0)	58,440 (1.4)	89,600 (1.8)	167,900 (3.0)
JUMLAH	2.2	3.1	3.7	4.1	4.9	5.7

*Meliputi kursus pra-diploma & pra-universiti.

** Meliputi ijazah dalam dan luar negeri.

Diolah daripada: Kerajaan Malaysia, 1981. Rancangan Malaysia Keempat (1981-85)
Kerajaan Malaysia, 1986. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)
Kerajaan Malaysia, 1991. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)
Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), teras pendidikan secara keseluruhannya adalah untuk menambah keupayaan dan meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan disemua peringkat, memperkukuhkan sistem penyampaian dan memperbaiki kualiti pendidikan. Pembangunan kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum

memberi penekanan kepada objektif melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berinovasi dan memiliki nilai positif untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Pembangunan teras pendidikan ini sukar direalisasikan tanpa adanya pembangunan fizikal yang membolehkan pendidikan dilaksanakan dalam ruang yang mencukupi dan selesa.

3.2.3 Pembangunan fizikal pendidikan

Isu peningkatan enrolmen setiap tahun ini semakin meruncing dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang dilaksanakan pada tahun 1983 (RM6, 1991:174). Pelaksanaan kurikulum baru ini memerlukan nisbah kelas yang lebih kecil iaitu 35 murid per bilik darjah supaya ia benar-benar menjadi berkesan (RM6, 1991:175). Penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar telah menyebabkan pertambahan permintaan bilik darjah di kawasan bandar. Kekurangan bilik darjah dan sekolah rendah telah menyebabkan kesesakan kelas di sekolah-sekolah di bandar dengan purata seramai 44 murid per kelas (RM6, 1991:175). Walaupun persekolahan satu sesi telah diperkenalkan dengan pengenalan kurikulum baru, kira-kira 11,230 (iaitu 16 peratus) kelas sekolah rendah masih melaksanakan sesi pagi dan petang bagi menampung bilangan enrolmen yang ramai (RM6, 1991:175).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), penambahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat pendidikan bagi menampung pertambahan enrolmen.

Penambahan fizikal ini diharapkan dapat membentuk suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa.

Bilik darjah tambahan akan dibina bagi menampung enrolmen pelajar yang dijangkakan bertambah daripada 2.7 juta pada tahun 1995 kepada 2.9 juta pada tahun 2000. Sejumlah 9,530 bilik darjah tambahan telah dibina bagi menampung 353,000 pelajar untuk mengurangkan kesesakan di sekolah-sekolah di bandar. Nisbah bilik darjah-pelajar bertambah baik daripada 1:38.3 pada tahun 1990 kepada 1:36.4 pada tahun 1994. Walaubagaimana pun, disebabkan peningkatan enrolmen yang besar terutamanya di bandar, terdapat 28 peratus bilik darjah (23,363 bilik darjah) mempunyai bilangan pelajar melebihi 40 orang dalam satu bilik darjah (RM7, 1996: 325). Penambahan bilik darjah dijangkakan dapat memperbaiki lagi nisbah kelas-bilik darjah daripada 1:0.86 pada tahun 1995 kepada 1:0.90 pada tahun 2000. Peningkatan nisbah berkenaan menunjukkan bahawa peratus bilik darjah yang akan digunakan di sebelah petang berkurangan daripada 14 peratus kepada 10 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7, 1996:344).

3.2.4 Peruntukan kewangan bagi pendidikan

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-95), sejumlah 8 billion atau 15.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam diperuntukan untuk pembangunan pendidikan dan latihan. Jumlah ini adalah pertambahan sebanyak 46 peratus daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (1986-90). Bagi memenuhi peningkatan enrolmen dan penekanan terhadap mutu pendidikan, 5.2 peratus daripada

peruntukan ini disediakan untuk memperluas dan memperbaiki kemudahan-kemudahan di peringkat rendah dan menengah.

Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), peruntukan kekal sebanyak 15.4 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam iaitu RM10.1 billion. Jadual 3.2 menunjukkan peruntukan pembangunan bagi sektor pendidikan dan latihan dari tahun 1970 hingga tahun 2000.

Daripada jumlah ini, 45.6 peratus digunakan untuk membina sekolah baru dan bilik darjah tambahan di peringkat rendah dan menengah, sementara 35.1 peratus lagi untuk mengembangkan keupayaan pendidikan tinggi terutamanya di peringkat ijazah. Manakala lain-lain peruntukan termasuklah menyediakan kemudahan latihan guru, kuarters guru serta asrama sekolah rendah dan menengah (RM7, 1996:359).

JADUAL 3.2: PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK PENDIDIKAN DAN LATIHAN(RM JUTA)DARI TAHUN 1970-2000.

PROGRAM	TAHUN			
	1981-85 (RM juta)	1986-90 (RM juta)	1991-95 (RM juta)	1996-2000 (RM juta)
Pendidikan:	4,333.55	5,262.17	7,409.8	8,437.2
Pra sekolah	-	-	61.8	107.4
Pendidikan rendah	759.48	784.91	1,184.7	1,396.0
Pendidikan menengah	1,381.56	1,436.52	2,050.7	2,447.9
Pendidikan Tinggi	2,056.81	2,591.95	3,139.3	2,961.8
Pendidikan Guru	149.02	384.85	180.1	458.8
Lain-lain program sokongan	134.54	163.94	793.2	1,065.3
Latihan	407.05	303.89	615.4	1,661.6
JUMLAH	4,741.60	5,566.06	8,025.2	10,098.8

Diolah daripada: Kerajaan Malaysia, 1981. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
Kerajaan Malaysia, 1986. Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)
Kerajaan Malaysia, 1991. Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)
Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)

3.2.5 Dislokasi sekolah-sekolah di pusat bandar

Pembandaran juga telah memberikan implikasi kepada gunatanah sekolah terutamanya sekolah-sekolah di pusat bandar. Pada pertengahan tahun 1990an, isu perancangan sekolah di pusat bandar telah menarik perhatian bukan sahaja pihak berkuasa pendidikan tetapi juga pihak berkuasa tempatan. Isu yang sering ditimbulkan ialah ketidaksesuaian lokasi sekolah-sekolah di pusat bandar kerana faktor ekonomi dan alam sekitar.

Pembangunan perdagangan mula mengambilalih kawasan pembangunan yang tidak ekonomik di pusat bandar seperti kuarters kerajaan dan sekolah-sekolah. Tanah bandar yang semakin terhad dan mahal telah mendorong kepada pembangunan secara maksimum iaitu pembangunan berkepadatan tinggi yang dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada pihak berkuasa tempatan. Sekolah merupakan salah satu kemudahan awam dan tidak memberikan apa-apa pulangan ekonomi kepada pihak berkuasa tempatan. Contohnya tanah di sepanjang Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang dianggarkan bernilai di antara RM340.00 hingga RM500.00 per kaki persegi (Rosmawati, 1996). Dari segi ekonominya, kemudahan sekolah di pusat bandar adalah pembangunan yang tidak menguntungkan. Gunatanah sekolah yang sedia ada di pusat-pusat bandar kini telah tersepit di antara pembangunan berkepadatan tinggi seperti hotel, kompleks pejabat dan pusat membeli belah. Contohnya di bandar Kuala Lumpur, 4 buah sekolah telah dikenalpasti untuk dibina di tapak lain kerana tapak sekolah tersebut tidak lagi sesuai berada di dalam kawasan perdagangan. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Bukit Bintang Girls School, Sekolah Kebangsaan (Lelaki dan Perempuan) Jalan Batu, Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina) Chung Kwok dan Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) Appar di Jalan Batu (The Star Online, 1997). Kes yang sama juga berlaku di beberapa buah sekolah di Johor Bahru.

Pembangunan berkepadatan tinggi ini juga tidak sesuai kepada persekitaran sekolah kerana ia menjanakan isipadu lalu lintas kenderaan yang tinggi. Kajian oleh Rosmawati (1996) mengenai aksesibiliti murid-murid di Sekolah Perempuan Bukit Bintang Kuala Lumpur mendapati bahawa tiada seorang pun murid berjalan kaki ke sekolah tersebut walaupun sekolah terletak kurang daripada satu kilometer dari rumah mereka. Faktor

keselamatan di jalanraya merupakan faktor utama ibubapa memilih mod pengangkutan lain untuk menghantar dan menjemput anak mereka dari sekolah. Menurut seorang Guru Kanan di salah sebuah sekolah di bandar Kuala Lumpur;

“this place has become unsuitable due to increased traffic volume. During school hours, there is also massive congestion and this has prevented parents dan school buses from dropping off school children”.
(New Straits Time, 1977)

Alam sekitar sekolah juga didapati tidak lagi sesuai kepada suasana pembelajaran. Kenderaan bermotor yang menggunakan jalanraya berhampiran sekolah telah menyumbang kepada pencemaran bunyi dan udara. Menurut Rosmawati (1996), tahap kebisingan kenderaaan bermotor di waktu sesak adalah 65.7-81.2 dBa iaitu melebihi piawai yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi kawasan perdagangan dan bandar iaitu 65dBa. Kajian oleh Zailina (1994) mendapati bahawa murid-murid daripada sekolah yang berhampiran jalanraya mempunyai paras plumbum dalam darah yang agak tinggi. Menurut beliau, keadaan ini boleh menyebabkan gangguan kepada otak dan paru-paru. Keadaan kelas yang berdebu dan bunyi bising daripada kenderaan berhampiran sekolah juga sedikit sebanyak telah menjejaskan suasana pembelajaran (Norsiah & Mohd. Razali, 1997).

3.3 PERANCANGAN BANDAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN BANDAR

Sepanjang tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1970-1990), Malaysia telah mencapai kemajuan yang membanggakan dari segi pertumbuhan ekonomi serta memenuhi objektif sosialnya. Negara telah berjaya mengekalkan kepesatan

pembangunan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar berkembang pada kadar purata sebanyak 6.7 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh lapan tahun semenjak tahun 1988, prestasi ekonomi adalah sangat memberangsangkan dengan mengekalkan pertumbuhan tinggi sebanyak 8.9 peratus setahun (RM7, 1996:5).

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996) memberikan penekanan bukan sahaja kepada mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi ke arah negara maju tetapi juga menekankan kepada aspek pembangunan kerohanian bagi mewujudkan masyarakat yang teguh dan bersatu padu dengan nilai kekeluargaan yang kukuh, disiplin diri dan nilai moral yang tinggi.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996) memberikan tumpuan kepada dimensi sosial iaitu membentuk masyarakat yang bersatu dan berdayamaju dengan nilai-nilai timur. Seiring dengan itu, penekanan diberikan terhadap penyediaan kemudahan sosial dalam pembangunan pendidikan dan latihan, perumahan, wanita, keluarga dan komuniti. Aspirasi kerajaan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000) ini telah diterjemahkan kepada beberapa strategi perancangan bandar seperti berikut.

3.3.1 Penempatan penduduk yang dirancang


Pembangunan bandar terus memberi tumpuan kepada penyebaran pembangunan bandar dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas pusat bandar utama dan menampung limpahan penduduk bandar. Selaras dengan itu, penempatan-penempatan baru

dibangunkan di kawasan pinggir bandar, di kawasan luar bandar dan di dalam bandaraya.

Konsep penempatan penduduk yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981) terus diusahakan iaitu dengan menyediakan perkhidmatan sosial (seperti sekolah, klinik, kemudahan untuk bersukan, rekreasi, tempat beribadat serta ruang perniagaan) dan kemudahan asas dengan secukupnya dalam kawasan perumahan. Kejiranan adalah unit asas penempatan penduduk di mana susunatur fizikal penempatan tersebut menentukan kualiti kehidupan dari berbagai aspek (Zainuddin, 1999). Ini termasuklah penyediaan dan agihan kemudahan sosial yang optimum, pemilihan lokasi yang mementingkan faktor keselamatan, integrasi antara pengangkutan dan gunatanah dan sebagainya. Kawasan penempatan juga adalah “self-sufficient” (Sulong, 1983) di mana penduduk boleh mendapatkan segala perkhidmatan sosial dan kemudahan asas di dalam kawasan penempatan.

Prinsip asas kepada konsep kejiranan ialah lokasi kemudahan awam dalam unit kejiranan dan jarak antara kemudahan awam dan rumah (Manual Piawaian Perancangan, 1986). Elemen kemudahan awam di dalam unit kejiranan ialah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Rajah 3.3 menunjukkan lokasi tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah dan hubungannya dengan jarak dari rumah yang merupakan prinsip asas kepada konsep kejiranan.

RAJAH 3.3 :
LOKASI SEKOLAH-SEKOLAH DAN HUBUNGAN
DENGAN JARAK DARI RUMAH



ORGANISASI KEJIRANAN YANG BIASA

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung
Malaysia, 1986. Manual Piawaian Perancangan Kuala Lumpur.

Konsep kejiranan telah diterapkan dalam merancang bandar baru pinggir bandar (seperti Shah Alam dan Bandar Baru Bangi), bandar baru luarbandar (seperti petempatan FELDA dan pembangunan wilayah) dan bandar baru dalam bandaraya (seperti Bandar Tun Razak dan Bukit Jalil). Shah Alam yang merupakan sebuah bandar baru pinggir bandar mempunyai kawasan perumahan dan kawasan perindustrian. Kemudahan kejiranan yang disediakan di unit kejiranan termasuklah gerai, dewan, tadika, sekolah, kawasan rekreasi dan surau (Yahya, 1995). Pusat membeli-belah dan sekolah terletak di tengah-tengah kawasan pusat tumpuan.

3.3.3 Kehidupan dan persekitaran bandar yang berkualiti

Pembangunan ekonomi yang pesat merupakan pra-syarat untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi meningkatkan kualiti hidup. Walaubagaimana pun, penekanan yang sama pentingnya diberikan kepada aspek sosial, kebudayaan dan psikologi dalam keseluruhan proses pembangunan (RM7, 1996). Menurut Proshansky & Fabian (1986), kualiti fizikal bandar mempunyai implikasi terhadap sosialisasi dan pembangunan individu sebagai makhluk yang unik. Kualiti alam sekitar dilihat oleh ahli psikologis alam sekitar sebagai faktor penting dalam kesejahteraan manusia (Greed, 1996).

Pembaikan dan peningkatan kualiti hidup rakyat ditumpukan kepada penyediaan kemudahan sosial dan infrastruktur seperti kesihatan, pelajaran, pengangkutan, perhubungan, kemudahan awam dan rekreasi. Penekanan terus diberikan untuk menyediakan peluang yang lebih baik bagi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, peluang untuk menimba ilmu pengetahuan, kemudahan perumahan dan perubatan yang lebih baik, alam sekitar yang bersih dan kemudahan rekreasi yang mencukupi.

Penyediaan berbagai perkhidmatan bandar adalah penting bagi kehidupan dan persekitaran bandar yang lebih menarik dan berkualiti. Kediaman, tempat kerja, sekolah, hospital dan jiran, kesemuanya mempunyai implikasi langsung terhadap sifat dan kesejahteraan seseorang umumnya dan pada peringkat tertentu kitaran hidup. Petunjuk-petunjuk kualiti kehidupan bandar termasuklah kemudahan dan perkhidmatan yang mencukupi bagi penghuni bandar, perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi (seperti peluang pekerjaan dan pendapatan) sehinggalah kepada tahap kepuasan

kehidupan individu dan interaksi sosial (Proshansky & Fabian, 1986). Penyediaan kemudahan tersebut perlu berdasarkan kepada faktor seperti hirarki bandar, peranan sosio-ekonominya dan lokasi geografinya. Ini adalah untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan perlu ada bagi semua bandar dan penduduk bandar mendapat akses yang seimbang kepada kemudahan tersebut (Draft National Urban Policy, 1993).

Kehidupan dan persekitaran bandar yang berkualiti ini cuba direalisasikan dalam konsep-konsep perancangan seperti Konsep Bandar Sihat⁴ dan Konsep Pembangunan Mampan⁵ yang telah diperkenalkan dalam Agenda 21 di Rio Earth Summit pada tahun 1992. Konsep kejiranan yang telah lama diperkenalkan dalam penempatan penduduk juga bertujuan untuk merealisasikan alam persekitaran fizikal yang sihat dan berkualiti. Hari ini, pendekatan “mesra kanak-kanak”⁶ diterapkan dalam konsep kejiranan bagi mewujudkan suasana yang selesa, selamat dan sihat bagi perkembangan mental dan fizikal kanak-kanak (Abdul Mutalib, 1998). Pendekatan ini diterapkan ke dalam perancangan kemudahan sosial seperti sekolah rendah dan rekreasi. Pendekatan ini diperkenalkan atas alasan bahawa hampir separuh daripada penduduk Malaysia hari ini adalah kanak-kanak dan mereka ini merupakan pewaris kepada kepimpinan negara menjelang tahun 2020 (Abdul Mutalib, 1998).

3.4 SISTEM PERANCANGAN BANDAR DI MALAYSIA

3.4.1 Latarbelakang sejarah perancangan bandar

Idea perancangan bandar di Semenanjung Malaysia mula diperkenalkan oleh pihak Inggeris pada tahun 1915 di negeri-negeri Melayu Bersekutu (terdiri daripada Negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan). Walaupun terdapat perundangan yang berkaitan dengan perancangan bandar ketika itu tetapi ianya gagal dilaksanakan kerana masalaah kewangan dan ketiadaan pakar-pakar dalam bidang perancangan bandar (Goh, 1991). Pelantikan Charles C. Reade sebagai penasihat perancang bandar pada tahun 1921 merupakan pengenalan kepada perancangan bandar di Malaya (Goh, 1991). Idea perancangan di Malaya dipengaruhi oleh idea Bandar Taman dan gabungan idea-idea perancangan di England, Amerika dan Eropah (Goh, 1991).

Pada tahun 1923 Enakmen Lembaga Bandaran diperkenalkan yang memperuntukan bandar-bandar untuk menyediakan Pelan Am Bandar (Goh, 1991; Foziah, 1986). Tujuan pelan tersebut bukan sekadar pelan susunatur atau pengkawasan tetapi juga membuat peruntukan untuk zon gunatanah, jalan, kemudahan awam, membuka dan menutup tasik dan sungai, pengambilan, penjualan dan pajakan tanah. Pada tahun 1926, Enakmen tersebut di kaji semula dan Enakmen Perancangan Bandar 1927 digubal. Enakmen ini kemudiannya menjadi Bahagian IX Enakmen Lembaga Bandaran yang juga dikenali sebagai Bahagian IX Enakmen Lembaga Bandaran Cap 137. Bahagian ini menyatakan bahawa pelan pembangunan bandar adalah peta yang menunjukkan garis bangunan, jalan raya, jalan keretapi dan laluan komunikasi, zon berbagai gunatanah (seperti

perumahan, perdagangan, perindustrian atau pertanian) dan intensiti gunatanah (kepadatan rumah dan penduduk, jumlah ruang lantai bangunan), rezab kegunaan kerajaan, taman, kawasan rekreasi. Umumnya pelan tersebut merupakan pelan pengkawasan dan sekim susunatur (Goh, 1991).

Undang-undang perancangan dan kawalan pembangunan sebelum era Dasar Ekonomi Baru adalah berdasarkan pelbagai Enakmen Lembaga Bandaran dan Undang-undang Kecil Bangunan. Sistem yang dibentuk di Bahagian IX Enakmen Lembaga Bandaran (Bab 137) ternyata tidak memuaskan, ketinggalan zaman, lembab, tidak mudah lentur dan tidak sensitif terhadap pengaruh sosial, ekonomi dan pandangan pihak awam (Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong dan Pasir Gudang, 1985). Berdasarkan peruntukan Cap 137, pelan susunatur dan pengkawasan hanya disediakan bagi kawasan yang mempunyai tekanan pembangunan. Pelan pengkawasan tidak melibatkan kawasan yang tidak mempunyai tekanan pembangunan atau tanah yang telah sedia ada struktur kekal (Goh, 1991). Fokus utama perancangan bandar ketika itu adalah rekabentuk bandar dan perhatian kurang ditumpukan kepada isu-isu sosial dan ekonomi. Perancangan bandar lebih tertumpu kepada rekabentuk bandar untuk memastikan gunatanah yang sesuai, pembangunan kepadatan rendah, laluan infrastruktur dan pertimbangan estetik. Pelaksanaan sekim susunatur dan pelan pengkawasan adalah terlalu lembab hingga menyebabkan sebahagian bandar dibangunkan tanpa merujuk kepada mana-mana garis panduan. Kalau adapun pelan pengkawasan dan sekim susunatur, ianya bukan merupakan pelan komprehensif semasa yang boleh bertindak sebagai garis panduan keseluruhannya. Dalam keadaan ini, isu-isu

semasa seperti perkembangan bandar, pemuliharaan bandar dan pembangunan semula bandar tidak dapat ditangani dalam amalan perancangan.

Kaedah pelan yang berorientasikan pengkawasan tanah untuk pelbagai tujuan gunatanah dibuat berasaskan kaedah penilaian yang kurang saintifik (Supian & Mansur, 1989). Kaedah perancangan seperti ini sudah tidak sesuai lagi bagi mengawal pembangunan fizikal negara. Peruntukan yang ada dalam pelbagai undang-undang negara ketika itu tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak perancangan dan menyelesaikan masalah yang timbul akibat pembangunan pesat negeri (Abdul Munit & Supian, 1994). Sistem lama yang tidak berkesan dalam menangani isu-isu pembandaran dan pembangunan semasa telah digantikan dengan satu bentuk perundangan dan peraturan perancangan yang lebih luas, memandang ke hadapan, mudah lentur dan positif (Foziah, 1986). Perundangan yang dimaksudkan ialah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Undang-undang tersebut telah dibentangkan di Parlimen pada tahun 1976 dan dikuatkuasakan sebagai Akta 172.

Sistem pelan pembangunan adalah amalan perancangan bandar di England yang diterjemahkan daripada English Town and Country Planning Act 1968 (Goh, 1991; Foziah, 1986). Akta 1976 memperkenalkan sistem perancangan dua peringkat iaitu Rancangan Struktur dan juga Rancangan Tempatan. Kedua-dua pelan ini bergabung untuk membentuk rancangan pembangunan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan.

3.4.2 Sistem Pelan Pembangunan

Amalan perancangan fizikal di Semenanjung Malaysia pada awal pengenalannya adalah selaras dengan keperluan Dasar Ekonomi Baru untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat (Foziah, 1986). Sistem perancangan yang lebih dinamik diperlukan bagi menghadapi arus pembangunan yang semakin pesat. Selaras dengan itu, perancangan fizikal di Semenanjung Malaysia dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172 dan Akta A933⁷).

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperkenalkan suatu sistem perancangan baru yang mengandungi pelan-pelan pembangunan yang menjadi teras perancangan fizikal. Akta ini mengemukakan polisi-polisi nasional, wilayah dan negeri untuk diterjemahkan dalam bentuk perancangan fizikal di peringkat tempatan. Pelan pembangunan mengandungi dua pelan iaitu Rancangan Struktur dan Pelan-Rancangan Tempatan. Rancangan Struktur mengendalikan isu-isu dasar dan diserahkan oleh pihak berkuasa tempatan tempatan kepada jawatankuasa perancangan negeri untuk diluluskan. Manakala Rancangan Tempatan pula mengendalikan tatatur fizikal yang bersesuaian dengan Rancangan Struktur yang telah diluluskan dan ianya boleh diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tempatan sendiri.

i) Rancangan Struktur : Bentuk dan Isi Kandungan

Rancangan Struktur merupakan polisi-polisi dasar dalam satu jangkamasa yang panjang dimana peruntukan-peruntukan tanah dan penentuan-penentuan tapak pembangunan masa hadapan dilakukan. Polisi-polisi berkaitan dengan kawasan tertentu, gambarajah dan ilustrasi disediakan untuk membantu pemahaman dan merumuskan keterangan-keterangan bertulis.

Rancangan Struktur meliputi skop yang luas dengan mempertimbangkan aspek-aspek ekonomi, sosial dan fizikal. Rancangan Struktur adalah tertakluk kepada proses penyelarasan dan penilaian semula yang berterusan membuatnya mudah lentur. Rancangan Struktur memberi lebih banyak peluang seranta dan penyertaan pihak awam dalam polisi-polisi cadangan pembangunan bagi kawasan yang terlibat.

Pada dasarnya Rancangan Struktur mempunyai berbagai fungsi (Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong & Pasir Gudang, 1985). Rancangan Struktur disediakan dalam rangkakerja yang dibentuk oleh polisi-polisi nasional dan negeri. Ia menterjemahkan polisi-polisi tersebut ke dalam polisi-polisi ruang (spatial) dan dalam bentuk bersesuaian dengan kawasan pihak berkuasa tempatan tempatan.

Ia juga menyediakan rangkakerja bagi pelan-Rancangan Tempatan dan merupakan rangkakerja polisi-polisi dan cadangan-cadangan Rancangan Tempatan dengan secara terperinci.

Rancangan Struktur menunjukkan kawasan-kawasan tindakan dan jenis-jenis pembangunan yang akan dilaksanakan. Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan-kawasan utama yang dikenalpasti untuk pemulihan komprehensif melalui pembangunan, pembangunan semula atau pembaikan semula dalam jangka masa 5 tahun seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Pelan-pelan pembangunan menyediakan garis panduan yang terperinci ke atas kawalan pembangunan walaupun tidak meliputi keseluruhan kawasan pihak berkuasa. Oleh itu, Rancangan Struktur menyediakan asas dan garis panduan kawalan pembangunan bagi kawasan yang tidak atau belum lagi diliputi oleh mana-mana Rancangan Tempatan.

Rancangan Struktur berfungsi sebagai asas penyelarasan segala keputusan pelbagai agensi kerajaan. Forum perbincangan diadakan di peringkat awal penyediaan Rancangan Struktur di antara bahagian-bahagian dalam pihak berkuasa tempatan tempatan itu sendiri dan di antara pihak berkuasa tersebut dengan lain-lain badan awam yang terlibat dengan pelbagai aspek Rancangan Struktur.

a) Rancangan Tempatan

Draf Rancangan Tempatan boleh disediakan bersama-sama atau selepas penyediaan Rancangan Struktur. Ia juga mengandungi pelan-pelan dan kenyataan bertulis yang berkaitan dengan perancangan terperinci serta pelaksanaan polisi-polisi dan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Rancangan Struktur dan meliputi pelbagai keluasan kawasan-kawasan tempatan. Kenyataan bertulis mengandungi cadangan-cadangan

pembangunan dan gunatanah terperinci bagi sesebuah kawasan termasuklah langkah-langkah untuk membaiki alam sekitar fizikal, memperbaiki komunikasi dan pengurusan lalulintas. Pelan-Rancangan Tempatan juga disertai dengan pelan-pelan dan gambarajah-gambarajah untuk menerangkan cadangan-cadangan yang tercatat dalam pelan tersebut. Sesebuah Rancangan Tempatan mungkin merupakan sebuah Pelan Kawasan Kecil, Pelan Kawasan Tindakan ataupun Pelan Subjek. Penyediaan Rancangan Tempatan adalah berdasarkan rumusan-rumusan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Rancangan Struktur.

Garis panduan perancangan⁸ digunakan untuk melaksanakan polisi-polisi pelan pembangunan. Antara garis panduan perancangan ini termasuklah piawaian perancangan (Bruton & Nicholson, 1984).

3.4.3 Garispanduan perancangan : Piawaian perancangan

Pada awal 1980an, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan telah menggubal piawaian perancangan masing-masing secara “ad-hoc” (Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor, 1993). Piawaian perancangan ini berbeza antara satu pihak berkuasa tempatan dengan pihak berkuasa tempatan lainnya.

Ketidakseragaman piawaian ini telah menyebabkan kekeliruan dan kelewatan dalam tawar-menawar antara pihak yang terlibat dalam perancangan iaitu jururancang, arkitek dan pihak berkuasa tempatan. Bagi mengelakkan pembaziran masa dan membaiki pelan

yang berulang kali, satu usaha telah dilakukan untuk menyeragamkan piawaian tersebut di seluruh negara. Kriteria piawaian perancangan sekolah rendah dihasilkan setelah mendapat kata sepakat daripada pihak yang terlibat di dalam penyediaan tapak sekolah rendah iaitu pihak pemaju, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa pendidikan.

Pada penghujung tahun 1980an, jawatankuasa khusus telah dibentuk untuk mengkaji semula piawaian perancangan bagi membentuk piawaian dan garis panduan perancangan bandar yang seragam bagi semua gunatanah iaitu perumahan, perdagangan, industri, kawasan lapang, kemudahan komuniti, jalanraya, tempat letak kereta, sistem pembentungan, tanah perkuburan dan stesyen minyak.

Pada tahun 1986, sebuah manual dikenali sebagai Manual Piawaian Perancangan telah dihasilkan dan pihak negeri disaran menggunakan piawaian ini untuk tujuan perancangan dan pembangunan. Pada pertengahan tahun 1990an, manual ini telah disusun semula, dikemaskini dan diasingkan kepada aspek-aspek tertentu secara berperingkat-peringkat⁹. Beberapa piawaian perancangan yang baru juga telah dihasilkan dengan memasukkan prinsip-prinsip perancangan dan Pembangunan Sejangat. Walau bagaimanapun, beberapa kriteria piawaian perancangan masih dikekalkan mengikut Manual Piawaian Perancangan 1986.

Antara tujuan piawaian perancangan ialah untuk (Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor, 1993):

- i. mengalakkan pembangunan dan kemajuan kebendaan dan juga kesihatan sosial, kehidupan fizikal dan budaya serta peningkatan kualiti kehidupan.

- ii. memelihara dan mengawal sumber asli dan mengawal perubahan alam sekitar dan sumber tanah supaya kemajuan kebendaan tidak menjejaskan alam sekitar semulajadi.
- iii. menggunakan sumber awam dan swasta bagi memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat melalui program-program yang disediakan untuk pelaksanaan.

Piawaian perancangan adalah mengenai peruntukan ruang bagi kemudahan yang diperlukan oleh komuniti. Ia merupakan satu set garispanduan yang dirujuk oleh jururancang dalam melukis pelan bagi menunjukkan di mana dan bagaimana pembangunan boleh dilakukan untuk gunatanah tertentu.

Piawaian perancangan melibatkan kepelbagaian kemudahan dan agihan ruwang kemudahan tersebut serta jumlah ruang atau tanah bagi setiap kemudahan. Bilangan dan agihan kemudahan ini adalah berdasarkan bilangan pengguna yang dijangkakan untuk memastikan penggunaan yang berkesan (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Negeri Selangor, 1993).

3.4.4 Hiraki Perancangan

Malaysia mempunyai tiga peringkat sistem kerajaan dan pentadbiran iaitu kerajaan persekutuan atau pusat, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Aspek perancangan bandar di peringkat persekutuan diterapkan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Pada dasarnya perancangan lebih tertumpu kepada pembangunan sosio-ekonomi di mana polisi, strategi dan program digubal mengikut

sektor-sektor tertentu. Perancangan ini diambilkira di peringkat negeri dalam rancangan pembangunan negeri. Polisi-polisi nasional diterjemahkan mengikut keutamaan kerajaan negeri dalam bentuk projek dan agihan ruang seluruh negeri.

Di peringkat tempatan, perancangan fizikal dilakukan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Perancangan pembangunan di peringkat ini lebih berorientasikan gunatanah di peringkat daerah atau di peringkat pusat bandar yang melibatkan projek dan cadangan fizikal yang tertentu. Pada masa yang sama, kesan ruang polisi dan program diantau secara berterusan bagi mendapatkan maklumbalas bagi memperbaiki pembentukan polisi di peringkat nasional dan pelaksanaan yang lebih baik di peringkat tempatan.

- a) Peringkat persekutuan : Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Pengaruh kerajaan persekutuan dalam perancangan bandar dilihat dari segi penggubalan rancangan pembangunan 5 tahun Malaysia. Setiap dasar pembangunan negara yang telah dan sedang digubal oleh kerajaan diterjemahkan dari segi ruang dan diselaraskan ke dalam perancangan fizikal. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia bertanggungjawab mengkoordinasi perancangan bandar di Malaysia dan memberi nasihat terhadap hal-hal perancangan bandar kepada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain Kementerian di peringkat persekutuan.

Fungsi Jabatan ini diperluaskan pada akhir tahun 1980an bukan sahaja mengkoordinasi aktiviti perancangan bandar tetapi melakukan program penyelidikan dan pembangunan

serta membuat perancangan reruang nasional. Jabatan juga menyediakan garis panduan kawalan pembangunan dan piawaian perancangan bagi seluruh Malaysia dan jurnal yang memberi fokus kepada hal ehwal perancangan bandar. Jabatan juga mengadakan seminar dan bengkel bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dikalangan jururancang serta mempromosikan bidang perancangan bandar dikalangan pihak awam.

b) Peringkat negeri: Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri

Di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), kerajaan negeri diberi tanggungjawab untuk menyediakan polisi-polisi perancangan yang am¹⁰ manakala pihak berkuasa tempatan¹¹ menyediakan pelan-pelan yang terperinci. Akta ini tidak memberikan kerajaan negeri sebarang peranan yang khusus dalam merancang kawasan bandar di Malaysia.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri menasihati kerajaan negeri dan jawatankuasa perancang negeri¹² mengenai kegunaan tanah dan pembangunan tanah termasuk hal-hal perancangan bandar. Jabatan juga merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan arah pembangunan bandar di negeri berkenaan. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri merupakan penyelarasan kepada penyediaan Rancangan Struktur di mana Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pemandu Rancangan Struktur.

3.4 PERANCANGAN SEKOLAH RENDAH DARI PERSPEKTIF PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Proses perancangan sekolah dalam taman perumahan adalah berbeza bagi taman perumahan di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan bertaraf bandaraya dan pihak berkuasa tempatan bukan bertaraf bandaraya. Selaras dengan skop tesis ini, proses perancangan sekolah yang dibincangkan tertumpu kepada amalan perancangan pihak berkuasa tempatan bertaraf bandaraya.

3.5.1 Elemen sekolah rendah dalam Pelan Pembangunan

Elemen sekolah rendah dalam Pelan Pembangunan terletak di bawah aspek kemudahan awam dan sosial. Dua perkara yang dikemukakan mengenai elemen sekolah rendah dalam pelan pembangunan ialah kenyataan polisi-polisi pihak berkuasa tempatan dan unjuran keperluan sekolah untuk tempoh rancangan Pelan Pembangunan. Unjuran keperluan sekolah dibuat berdasarkan anggaran bilangan rumah dalam zon-zon gunatanah perumahan yang telah dicadangkan dalam pelan gunatanah¹⁶.

Cadangan tapak sekolah rendah dimasukkan dalam cadangan zon gunatanah perumahan bagi tempoh Rancangan Struktur. Zon-zon gunatanah yang dinyatakan dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan merupakan zon-zon gunatanah yang utama dan signifikan dari segi keluasan dan impak terhadap pembangunan seluruh kawasan pihak berkuasa tempatan seperti gunatanah perumahan, industri dan perdagangan serta laluan perhubungan. Lokasi dan keluasan tapak sekolah rendah hanya ditunjukkan dalam pelan susunatur kawasan perumahan.

Berdasarkan kriteria-kriteria piawaian perancangan sekolah, jururancang bertauliah yang menyediakan pelan susunatur boleh menentukan bilangan, hirarki dan lokasi sekolah rendah yang perlu dimasukkan dalam susunatur taman perumahan baru. Piawaian perancangan sekolah rendah yang terdapat dalam Manual Piawaian Perancangan, 1986 disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan digunapakai oleh semua pihak berkuasa perancang tempatan di Semenanjung Malaysia.

3.5.2 Kebenaran Merancang: Peringkat Pelan Susunatur

Pemaju yang bercadang untuk membangunkan sesebuah kawasan sebagai taman perumahan perlu memastikan tapak yang ingin dimajukan selaras dengan peruntukan Pelan Pembangunan. Semakan perlu dibuat mengenai polisi-polisi semasa Kerajaan Negeri, zon gunatanah cadangan, polisi-polisi pelan pembangunan, piawaian-piawaian yang berkaitan dengan pembangunan kawasan perumahan dan rizab-rizab infrastruktur di atas tapak sebelum pelan susunatur perumahan disediakan. Perkara-perkara ini merupakan keperluan pertama untuk memohon kebenaran merancang.

Pada masa yang sama, pihak pemaju perlu terlebih dahulu mendapatkan ulasan awal daripada pihak berkuasa perancang tempatan dan agensi-agensi teknikal utama dalam pihak berkuasa tempatan dan di peringkat daerah mengenai cadangan pembangunan tersebut. Ulasan awal daripada pihak berkuasa perancang tempatan dan agensi-agensi teknikal tertumpu kepada elemen-elemen fizikal di bawah pengurusan dan tanggungjawab agensi teknikal yang berkaitan sahaja. Ini adalah untuk memastikan agar

elemen-elemen fizikal yang terlibat dalam pembangunan dan yang dicadangkan dalam susunatur tersebut selaras dengan piawaian dan polisi agensi yang berkaitan. Disamping Jabatan Perancangan Bandar yang bertindak sebagai Urusetia, sekurang-kurangnya sembilan agensi yang terlibat dalam proses kebenaran merancang iaitu Pentadbir Tanah Daerah, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Telekom Malaysia, Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Jalan dan Lalulintas, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Alam Sekitar dan Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.¹⁷.

Pemaju hanya boleh memulakan pembangunan taman perumahan setelah mendapat kelulusan kebenaran merancang¹⁸ secara bertulis daripada pihak berkuasa perancang. Terdapat dua peringkat kebenaran merancang iaitu kebenaran merancang peringkat pelan susunatur dan kebenaran merancang peringkat pembinaan. Sesuai dengan skop peyelidikan, kebenaran merancang yang akan diuraikan adalah kebenaran merancang bagi pelan susunatur.

Kebijakan merancang memainkan peranan yang penting dalam memandu cadangan-cadangan dan keputusan perancangan yang berbentuk polisi dan pelan-pelan kepada bentuk ruang. Ia bertindak sebagai satu mekanisme penting dalam membantu pihak berkuasa tempatan menyelaraskan cadangan-cadangan pembangunan yang digariskan dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Kebijakan merancang yang diberikan kepada seseorang membolehkan ia menjalankan sesuatu 'pemajuan'¹⁹ mengikut pelan dan syarat-syarat yang dikenakan di dalamnya²⁰. Kebijakan merancang diperlukan bagi memastikan supaya semua pemajuan dan penggunaan tanah oleh seseorang individu atau pemaju-pemaju dijalankan dalam keadaan yang teratur dan tidak

menyebabkan masalah pencemaran dan kacauganggu²¹, kesesakan lalulintas dan tambahan beban infrastruktur, banjir dan lain-lain kesan yang tidak diingini kepada kejiranan dan persekitarannya.

Pihak pemaju perlu melantik jururancang bandar bertauliah untuk menyediakan pelan susunatur perumahan dan menguruskan permohonan kebenaran merancang bagi pihak pemaju. Pelan susunatur yang disediakan perlu memenuhi keperluan yang diperuntukkan dalam Seksyen 22, Akta 172²² serta mengikut kriteria-kriteria piawaian yang ditetapkan dalam Manual Piawaian Perancangan.

Semasa membuat permohonan kebenaran merancang, jururancang bertauliah perlu mengemukakan borang permohonan kebenaran dan butiran-butiran teknikal yang lengkap (termasuklah pelan susunatur, pelan-pelan lain yang berkaitan, laporan cadangan pemajuan, laporan analisis kesan alam sekitar dan sebagainya) kepada pihak berkuasa perancang tempatan untuk tindakan selanjutnya. Pihak berkuasa perancang tempatan bertanggungjawab membuat semakan teknikal ke atas pelan susunatur secara menyeluruh. Semakan teknikal menyeluruh dibuat untuk memastikan pelan susunatur dan elemen-elemen susunatur lainnya dibuat selaras dengan keperluan piawaian perancangan dan syarat-syarat yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut Seksyen 22 Akta 172.

Pihak berkuasa perancang tempatan bertanggungjawab memastikan tapak sekolah rendah yang disediakan dalam pelan susunatur selaras dengan keperluan piawaian perancangan dari segi keluasan tapak, bilangan tapak dan lokasinya dalam taman

perumahan. Menurut pegawai perancang di Majlis Bandaraya Johor Bahru, dua ulasan yang sering dikemukakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai tapak sekolah rendah dalam pelan susunatur ialah keluasan tapak kurang daripada piawaian yang ditetapkan dan lokasi tapak yang kurang sesuai contohnya berhampiran rezab sungai atau kawasan tanah rendah. Keperluan piawaian ini lazimnya dipertikaikan oleh pihak pemaju atas alasan ekonomi. Mereka berpendapat bahawa pemaju mengalami kerugian dengan menyerahkan tapak sekolah rendah secara percuma kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan rizab sekolah rendah. Walau bagaimanapun, pemaju seringkali diingatkan bahawa usaha ini merupakan tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju kepada penduduk yang akan menduduki kawasan perumahan baru.

Pihak berkuasa perancang tempatan juga bertindak sebagai penyelaras kepada permohonan kebenaran merancang. Antara tugas-tugas menyelaras yang dilakukan ialah menyerahkan pelan-pelan berkaitan kepada agensi-agensi teknikal, mendapatkan ulasan mengenai pelan daripada agensi-agensi tersebut, menyusun dan menyelaraskan ulasan-ulasan tersebut dan menghantar notis kepada jururancang bandar serta pemaju mengenai ulasan dan pembaikan yang perlu dilakukan terhadap pelan susunatur.

Pihak berkuasa perancang tempatan juga mengatur siri-siri mesyuarat yang berkaitan dengan proses mengeluarkan kebenaran merancang. Pelan susunatur yang tidak memenuhi peruntukan-peruntukan piawaian perancangan perlu diperbaiki bagi mendapatkan kelulusan kebenaran merancang.

Setelah pemaju mendapat kebenaran merancang peringkat pelan susunatur, pelan bangunan kemudiannya boleh disediakan oleh arkitek yang dilantik oleh pemaju bagi memohon kebenaran merancang peringkat pembinaan pula.

Proses permohonan kebenaran merancang adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.4:


Rajah 3.4

3.6 PERANCANGAN SEKOLAH RENDAH DARI PERSPEKTIF PIHAK BERKUASA PENDIDIKAN

Aspek perancangan sekolah rendah melibatkan tugas membuat unjuran permintaan penduduk terhadap kemudahan sekolah rendah berdasarkan enrolmen murid di sesebuah kawasan itu sehinggalah kepada mencari tapak untuk mendirikan sekolah (Ta, 1969). Jangkaan enrolmen murid sekolah rendah bagi tempoh tertentu dilakukan berdasarkan teknik unjuran penduduk umur bersekolah rendah²³.

Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Johor, tiada teknik khusus yang digunakan untuk menganggarkan enrolmen murid sekolah rendah untuk tempoh tertentu. Jangkaan enrolmen sekolah rendah dibuat berdasarkan tren peningkatan enrolmen murid dari tahun ke tahun. Tapak-tapak baru sekolah rendah perlu dikenalpasti bagi menempatkan peningkatan enrolmen ini setiap tahun. Penyediaan tapak-tapak sekolah rendah untuk masa hadapan merupakan tugas perancangan dan pembangunan oleh pihak berkuasa pendidikan.

RAJAH 3.4 : PROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG



Sumber: Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Proses perancangan dan pembangunan sekolah rendah dari perspektif pihak berkuasa pendidikan merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat pencarian maklumat, peringkat pengambilan tapak dan peringkat pembinaan.

3.6.1 Peringkat pencarian maklumat

Peringkat pencarian maklumat merupakan pembentukan bank tanah bagi membina sekolah rendah di masa hadapan. Oleh itu pencarian maklumat dilakukan dari masa ke semasa oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Pencarian maklumat merupakan tugas mencari dan mengenalpasti tapak-tapak baru sekolah rendah oleh Jabatan Pendidikan Negeri dengan bantuan Pejabat Pendidikan Daerah, pihak berkuasa tempatan²⁴ atau Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri²⁵. Pencarian maklumat tapak-tapak sekolah rendah dilakukan dengan bantuan pegawai perancang bandar bagi mengenalpasti tapak-tapak sekolah yang terdapat di dalam pelan susunatur perumahan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Proses pencarian maklumat tapak sekolah rendah berbeza dalam dua keadaan. Pertama; dalam keadaan di mana tapak telah disediakan dalam sesebuah pembangunan taman perumahan, pencarian maklumat dilakukan berdasarkan pelan susunatur yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Pencarian maklumat ini lebih mudah kerana tapak sekolah rendah telah dizonkan oleh pemaju dalam kawasan perumahan baru dan tiada halangan dari segi status dan syarat tanah. Tapak-tapak sekolah rendah di dalam taman perumahan merupakan tanah milik Kerajaan setelah melalui proses serahbalik kumia semula.²⁶

Penyiasatan tapak akan dilakukan oleh pihak berkuasa pendidikan bagi memastikan butir-butir tapak sekolah dalam pelan susunatur selaras dengan tapak sebenar. Perkara-perkara yang diasas termasuklah lokasi tapak dan keluasan tapak. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, setakat ini tiada tapak-tapak sekolah baru yang melibatkan kawasan tepubina atau penempatan lainnya kecuali di taman-taman perumahan.

Manakala bagi kawasan bandar yang tepubina dan kawasan penempatan tradisional (seperti kampung), maka pencarian tapak sekolah adalah agak rumit. Dalam hal ini kriteria piawaian oleh pihak berkuasa pendidikan digunapakai kerana proses ini tidak melibatkan bidang tugas pihak berkuasa tempatan. Lazimnya tapak-tapak yang sesuai dan menepati peruntukan piawaian sukar diperolehi kerana tanah yang terhad, nilai tanah yang mahal dan ketidaksesuaian lokasi.

Pertimbangan utama dalam mengenalpasti tapak-tapak kosong bagi sekolah rendah ialah tanah milik kerajaan. Ini kerana proses pembelian tanah milik kerajaan adalah mudah, cepat dan menjimatkan kos. Pencarian tapak ini memerlukan kerjasama Pentadbir Tanah Daerah bagi memastikan tiada halangan pembangunan dari segi syarat dan cadangan Kerajaan Negeri ke atas tanah tersebut. Walaubagaimana pun, proses tersebut boleh memakan masa yang panjang jika tanah-tanah milik kerajaan berkenaan mempunyai pembangunan haram seperti penempatan setinggan dan kilang haram.

Tapak-tapak baru yang telah dikenalpasti untuk diwartakan sebagai rizab pendidikan direkodkan bagi memohon peruntukan belanjawan daripada Kementerian Pendidikan bagi tempoh rancangan pembangunan lima tahun Malaysia.

3.6.2 Peringkat merizabkan tapak sekolah rendah

Peringkat ini merupakan proses mengambilalih tanah dari Kerajaan Negeri untuk dijadikan rizab pendidikan. Proses ini juga dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan supaya semua tapak yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Pendidikan tidak diambil oleh pihak tertentu untuk pembangunan haram atau ditukar kepada zon gunatanah yang lain. Menurut pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri Johor terdapat kes di mana tapak yang dikenalpasti telah diduduki oleh penempatan setinggan atau dibangunkan oleh pihak tertentu tanpa pengetahuan Jabatan. Proses merizabkan tanah yang agak lama iaitu lebih kurang 2 tahun membolehkan pihak tertentu mengambil kesempatan ke atas tanah kosong tersebut. Walaubagaimana pun, kes-kes ini tidak berlaku di tapak sekolah rendah dalam taman perumahan.

Proses pengambilan tanah kerajaan untuk pembinaan sekolah rendah adalah lebih mudah dan menggunakan kos yang minimum. Jika tapak yang dikenalpasti adalah tanah bermilik, maka ini akan melibatkan pembayaran pampasan kepada tuannya tanah berdasarkan nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian mengikut harga pasaran semasa. Kos pengambilan tanah bagi rizab pendidikan adalah tinggi kerana harga pasaran tanah yang tinggi (Johor Operational Master Plan, 1996). Tanah bermilik adalah tanah-

tanah yang dimiliki oleh samada individu, kumpulan individu, syarikat atau pertubuhan bukan kerajaan.

Jabatan Pendidikan Negeri akan mengemukakan borang dan dokumen permohonan tapak sekolah berkenaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kemudiannya akan memohon kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk proses pengambilanbalik tanah. Kerja mengukur tanah akan dilakukan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri bagi menandakan lot tapak sekolah tersebut. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu membuat bayaran premium²⁷ kepada Kerajaan Negeri bagi lot yang diambil. Pihak berkuasa Negeri seterusnya akanewartakan tapak tersebut sebagai rizab pendidikan. Pihak Pentadbir Tanah Daerah pula akan mengemukakan hakmilik tanah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tapak sekolah rendah berkenaan. Pejabat Pendidikan Daerah dengan ini boleh membangunkan tapak tersebut apabila diperlukan.

3.6.3 Peringkat pembinaan sekolah rendah

Keutamaan untuk membangunkan rizab-rizab sekolah rendah adalah berdasarkan kepada dua faktor iaitu kekurangan kelas yang mendesak atau peningkatan enrolmen yang mendadak (disebabkan oleh kemasukan murid dari penempatan baru di sekitar sekolah sedia ada). Maklumat ini lazimnya dikemukakan oleh Guru Besar sekolah yang terlibat dan dimaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah. Wakil penduduk juga boleh memohon kepada Pejabat Pendidikan supaya mendirikan sekolah untuk keperluan komuniti yang terlibat²⁸.

Brif projek perlu disediakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah yang mengandungi maklumat mengenai pengiraan ruang lantai sekolah rendah yang diperlukan dan anggaran kos pembinaan keseluruhannya. Pejabat Pendidikan Daerah akan mengemukakan surat kuasa pelaksanaan projek kepada Jabatan Kerja Raya Daerah bagi memberikan kuasa kepada Jabatan tersebut untuk merekabentuk pelan bangunan dan pelan kejuruteraan serta menghitung kos pembinaan sekolah rendah. Kontraktor kemudiannya dilantik oleh Jabatan Kerja Raya untuk membina sekolah rendah berkenaan sehingga siap sepenuhnya. Setelah bangunan sekolah siap sepenuhnya, Pejabat Pendidikan Daerah akan memohon sijil kelayakan menduduki daripada pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan kemudiannya akan membuat siasatan bagi memastikan bangunan sekolah selamat digunakan sebelum mengemukakan sijil layak menduduki kepada Pejabat Pendidikan Daerah. Sekolah rendah kemudiannya boleh beroperasi setelah dimaklumkan mengenai pendaftaran masuk sekolah rendah kepada penduduk sekitarnya.

3.7 KRITERIA PIAWAIAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PIHAK BERKUASA PENDIDIKAN : SATU PERBANDINGAN

Umumnya tidak terdapat perbezaan ketara di antara kriteria piawaian pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa pendidikan. Kriteria keluasan tapak, kawasan tadahan dan lokasi tapak sekolah rendah adalah sama bagi kedua-dua piawaian. Kriteria keluasan tapak yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa pendidikan adalah berkait rapat dengan topografi tapak dan ianya sangat mempengaruhi kos pembinaan sekolah rendah. Jadual 3.3 menunjukkan kriteria-kriteria piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa

tempatan dan pihak berkuasa pendidikan. Perincian kepada piawaian perancangan sekolah oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dirujuk di dalam Lampiran A dan B.

3.7.1 Keluasan tapak dan topografi

Keluasan tapak yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan adalah berbeza mengikut topografi tapak. Halangan topografi seperti kawasan cerun akan mempengaruhi orientasi dan kedudukan bangunan sekolah dan lain-lain kemudahan sekolah. Bagi kawasan yang rata, kawasan seluas 5-8 ekar (2-3 hektar) diperlukan untuk tapak sekolah rendah. Manakala bagi kawasan bercerun, kawasan seluas antara 8-10 ekar (3-4 hektar) diperlukan bagi menempatkan bangunan sekolah bagi mengekalkan ciri-ciri topografi asal. Lazimnya tapak seluas ini sukar diperolehi. Seberapa mungkin, tapak yang dipilih adalah tapak yang kurang halangan topografi bagi meminimumkan kos pembangunan.

Tapak yang agak rata atau landai seluas 6 ekar (2.4 hektar) dirasakan sudah memadai untuk dijadikan rizab pendidikan. Ini kerana kesukaran untuk mendapatkan plot-plot tanah yang besar dalam kawasan pembangunan yang tepu. Oleh itu, keluasan minimum itu dirasakan memadai untuk membina bangunan sekolah mengikut piawaian rekabentuk bangunan oleh Jabatan Kerja Raya. Berdasarkan maklumat Jabatan Pendidikan Negeri,

JADUAL 3.3: KRITERIA PIAWAIAN PERANCANGAN SEKOLAH RENDAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

KRITERIA	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
1. kawasan tadahan	• ¼-1/2 batu jarak berjalan kaki atau 10 minit berjalan kaki. • sebuah sekolah bagi 7,500 penduduk.	• 10-20 minit berjalan kaki. • sebuah sekolah bagi 7,500 penduduk.
2. keluasan tapak	• minimum 6 ekar.	• 5-8ekar (atau 6 ekar) bagi kawasan rata. • 8-10 ekar bagi kawasan berbukit.
3. lokasi	• diletakkan di jalan yang kurang lalulintas dan bukan di jalan utama (jalan saraf & jalan pemungut). • berhampiran dengan perkhidmatan awam seperti bas awam • mudah sampai dengan lorong pejalan kaki. • jejantas disediakan di jalan-jalan utama. • terletak di kawasan yang nyaman. • tidak sesuai diletakkan di gunatanah seperti industri ,lebuhraya.	• jauh dari jalanraya yang mempunyai lalulintas yang tinggi. • jauh daripada gunatanah yang boleh mendatangkan pencemaran (bau, bunyi dan udara).
4. topografi	• mempunyai ciri-ciri fizikal tapak yang baik-saliran yang baik.	• topografi yang landai dan rata dan mempunyai halangan fizikal yang minimum bagi meminimumkan kos kerjetanah dan kos pembinaan keseluruhannya.

Diolah daripada: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 1986. "Manual Piawaian Perancangan".

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997. "Garis panduan untuk Pemilihan Tapak Projek-projek Pendidikan".

"cut-off point" yang ditetapkan ialah 6 ekar (2.4 hektar) dan keluasan ini merupakan keluasan minimum yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Ciri-ciri topografi adalah berkaitrapat dengan kos pembinaan. Tapak sekolah rendah dalam kawasan perumahan baru lazimnya telah diratakan oleh pihak pemaju semasa kerja tanah (penambakan dan pemotongan tanah). Oleh itu, faktor topografi tidak menjadi halangan kepada pembinaan sekolah rendah di kawasan perumahan baru. Kerjatanah yang dilakukan bagi tapak sekolah rendah dalam kawasan perumahan baru lazimnya melibatkan kos yang minimum.

3.7.2 Kawasan tadahan

Kriteria kawasan tadahan ditentukan oleh bilangan unit rumah dan bilangan penduduk di dalam sesuatu kawasan penempatan atau kawasan perumahan. Menurut piawaian perancangan, sebuah sekolah diperlukan bagi setiap 1,500 unit rumah iaitu bersamaan dengan 7,500 orang penduduk (dengan anggaran purata 5 orang per isirumah). Kriteria kawasan tadahan juga merujuk kepada keupayaan kanak-kanak sekolah berjalan kaki iaitu $\frac{1}{4}$ - $\frac{1}{2}$ batu atau 10-20 minit berjalan kaki dari rumah ke sekolah.

3.7.3 Lokasi tapak sekolah rendah

Berdasarkan kedua-dua kriteria piawaian oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa pendidikan, sekolah rendah perlu diletakkan jauh daripada jalanraya yang mempunyai lalulintas yang tinggi dan jauh daripada gunatanah yang boleh mendatangkan pencemaran seperti bau, bunyi dan udara. Kriteria ini di perincikan lagi oleh pihak berkuasa tempatan dengan menetapkan jenis jalanraya iaitu jalan saraf atau jalan pemungut (iaitu jalan berukuran 18 meter dan ke atas) yang mempunyai lalulintas

yang tinggi. Manakala antara gunatanah yang tidak sesuai berhampiran dengan sekolah rendah ialah industri dan lebuhraya.

3.8 RUMUSAN

Pembandaran adalah fenomena yang lazim dikaitkan dengan perancangan bandar. Peningkatan penduduk memberi implikasi kepada peningkatan permintaan terhadap kemudahan sosial. Penyediaan kemudahan sosial yang secukupnya dan berkualiti merupakan asas penting bagi menjamin kualiti kehidupan penduduk. Kemudahan sekolah rendah tidak terkecuali dalam hal ini, kerana sekolah rendah merupakan antara elemen utama yang mesti disediakan dalam sesebuah penempatan manusia.

Isu kesesakan kelas dan peruntukan kemudahan sekolah rendah bukan sahaja merupakan agenda pihak berkuasa pendidikan semata-mata tetapi juga oleh pihak berkuasa tempatan. Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan di laksanakan bagi menangani masalah-masalah fizikal bandar termasuklah kemudahan sekolah rendah. Unjuran sekolah serta polisi-polisi berkaitan dikemukakan bagi tempoh tertentu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Penyediaan tapak sekolah di dalam pelan pembangunan dimasukkan di dalam zon gunatanah perumahan. Penyediaan tapak sekolah rendah dalam kawasan perumahan adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria piawaian perancangan sekolah rendah.

Piawaian perancangan digunakan bagi memastikan penyediaan sekolah yang mencukupi di dalam taman perumahan dan diletakkan di dalam persekitaran yang kondusif kepada

suasana pengajaran dan pembelajaran serta selesa dan selamat kepada komuniti sekolah.

Tiga kriteria piawaian perancangan sekolah rendah ialah keluasan tapak, kawasan tadahan dan lokasi sekolah rendah dalam taman perumahan.

Bahagian seterusnya akan menghuraikan metodologi penyelidikan, peringkat dan teknik mengumpul maklumat, prosedur pensampelan dan teknik analisis yang digunakan di dalam penyelidikan ini.

Nota hujung:

1. Kawasan bandar ditakrifkan sebagai kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-duanya mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk 1991. Kawasan tepubina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun atau lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian dan sekurangnya-kurangnya 30 peratus unit perumahan mempunyai kemudahan tandas moden. Definisi ini berbeza dengan banci-banci sebelumnya di mana kawasan bandar adalah terhad kepada kawasan yang diwartakan dengan jumlah penduduk seramai 10,000 orang atau lebih.

Sumber: Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Kuala Lumpur: Percetakan Negara.ms.162

2. Institusi pengajian awam terdiri daripada tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, maktab, politeknik dan universiti.

Sumber: Kerajaan Malaysia, 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Kuala Lumpur: Percetakan Negara.

3. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat memberi penekanan kepada integrasi antara nilai-nilai kerohanian dan moral ke dalam perancangan dan pembangunan. Nilai-nilai ini adalah hasil daripada hubungan dan hubungan 3 hala yang membentuk asas kepada manusia (Zainuddin, 1995). Hubungan tersebut adalah:

a) Hubungan manusia dan Penciptanya.

Tugas utama manusia di bumi ini ialah menghambakan diri kepada Penciptanya dan penghambaan ini dimanifestasikan melalui ibadat. Terdapat dua bentuk ibadat iaitu ibadah khusus yang merupakan ibadat yang dilakukan khusus kepada Allah, dan ibadat umum iaitu ibadat yang menjurus kepada hubungan manusia semasa manusia dan hubungan manusia dan alam sekitar.

Sumber: Wan Mohd. Azam bin Mohd. Amin, 1997. "Hubungan manusia dan Pencipta". Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia, 4, 25-39

b) Hubungan manusia dengan manusia

Hubungan manusia boleh dikategorikan kepada lima iaitu hubungan peribadi, hubungan pasangan, hubungan kekeluargaan, hubungan kejiwaan dan hubungan awam. Oleh itu, perancangan dan pembangunan bandar perlu menyediakan persekitaran hidup yang boleh diterima secara sosialnya, lengkap dan dapat menjana interaksi sosial dan perpaduan dikalangan berbagai kumpulan dan kaum dalam masyarakat.

Sumber: Mohamed Talhah, 1997. "Hubungan Manusia dengan Manusia". Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia, 4, 40-48.

c) Hubungan manusia dan alam sekitar

Manusia dan alam sekitar mempunyai hubungan simbiotik yang saling mengesani antara satu dengan lain sehingga gangguan kepada salah satu daripada sistem makhluk Allah ini akan memberi kesan kepada yang lain. Manusia mempunyai tugas untuk membina, mengindahkan dan menyelamatkan alam sekitar. Kemusnahan kepada alam sekitar bukan sahaja menjejaskan sistem biologi masa hadapan tetapi juga seluruh ekosistem. Manusia perlu menjaga alam sekitar dan semua sumber semulajadi yang diciptakan oleh Pencipta untuk generasi yang akan datang.

Sumber: Ismawi Zen, 1997. "Hubungan Manusia dan Alam Sekitar". Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia, 4, 49-62.

4. Konsep Bandar Sihat bermula daripada gerakan "Healthy for All" yang dilancarkan oleh World Health Organisation pada tahun 1978. Menurut L.Duhl dan T. Hancock (1988):

A healthy city is one which is continually creating and improving those physical and social environments and expanding those community resources which enable people to mutually support each other in performing all the functions of life and in developing to their maximum potential(Zainuddin,1998:2).

Sumber: Zainuddin Mohamed, 1998. "The Healthy City: Physical Planning Towards Sustainable Urban Development". *Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia*, 6, 1-21.

5. Pembangunan mampan menurut World Commission on the Environment and Development, 1987 (dikenali sebagai Brundtland Commission) adalah:

.....development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs(Zainuddin,1998:5).

Menurut definisi oleh Agenda 21 di Rio Earth Summit pada tahun 1992, pembangunan mampan adalah:

...is something which improve the quality of life, improve the living and working environment of all people, provide shelter for all, create sustainable energy, transport and construction activities and stimulate the related human resources development and capacity building required to achieve these goals(Zainuddin,1998:5).

Sumber: Zainuddin Mohamed, 1998. "The Healthy City:Physical Planning Towards Sustainable Urban Development". *Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia*, 6, 1-21.

6. Konsep mesra kanak-kanak menerapkan prinsip-prinsip kreatif, "adventurous fantasy" dalam perancangan dan rekabentuk ruang. Konsep ini menyediakan persekitaran fizikal yang selesa, selamat,sihat dan berkualiti meliputi penyediaan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pembangunan kanak-kanak.

Sumber: Abdul Mutalib Jelani, 1998. "Keselesaan Persekitaran Kanak-kanak dari Perspektif Perancangan Bandar". *Planning Malaysia. An Urban and Regional Planning Journal of Malaysia*, 6, 22-39.

7. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan)1995 (Akta A933) merupakan pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang dibuat pada tahun 1995. Pindaan ini dilakukan bertujuan untuk menangani isu-isu alam sekitar yang berkaitan dengan pembangunan mampan seperti pemeliharaan topografi semulajadi dan pokok.

8. Garispanduan perancangan juga dikenali sebagai "non-statutory local planning instrument". Antaranya termasuklah nota-nota mengenai amalan kawalan perancangan, brif pembangunan, piawaian perancangan, garispanduan rekabentuk dan sebagainya.

Sumber: Bruton, M.J. & Nicholson, D.J. 1984. *Local Planning in England. Dept. of Town planning. University of Wales Institute of Science and Technology. United Kingdom.*

9. Sehingga pertengahan tahun 1999, terdapat 19 piawaian yang telah diterbitkan manakala 3 masih dalam proses penerbitan. Piawaian-piawaian tersebut adalah seperti berikut:

1. Piawaian perancangan pembangunan taman atas bumbung.
2. Piawaian perancangan pembangunan padang golf.
3. Guidelines & geometric standards on road network system.
4. Piawaian perancangan pembangunan di kawasan persisiran pantai.
5. Garispanduan kawasan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang.

6. Piawaian perancangan penyediaan kemudahan asas dan fizikal berkaitan dengan program rakan muda.
7. Piawaian perancangan dan pembangunan fizikal pulau-pulau.
8. Garispanduan perancangan dan pembangunan sejagat.
9. Garispanduan perancangan kawasan perdagangan.
10. Garispanduan perancangan kawasan perindustrian.
11. Garispanduan perancangan dan pembangunan Taman Tema.
12. Garispanduan perancangan laluan kemudahan utiliti.
13. Garispanduan perancangan kawasan lapangan dan rekreasi.
14. Garispanduan perancangan dan pembangunan rumah-rumah pekerja kilang.
15. Garispanduan pemeliharaan topografi semulajadi di kawasan berbukit dalam perancangan dan pembangunan fizikal mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).
16. Garispanduan perancangan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam.
17. Garispanduan perancangan tempat ibadat Islam.
18. Garispanduan perancangan tapak perancangan elektrik.
19. Physical Planning Guidelines for the Multimedia Super Corridor.
20. Garispanduan kemudahan masyarakat) dalam proses penerbitan.
21. Garispanduan perancangan perumahan bertingkat) dalam proses penerbitan.
22. Garispanduan perancangan pembentungan) dalam proses penerbitan.

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.

10. Pihak berkuasa Negeri bertanggungjawab bagi dasar perancangan am dengan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasan tiap-tiap pihak berkuasa tempatan di dalam Negeri.

Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen (3).

11. Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 5(1).

12. Jawatankuasa Perancang Negeri terdiri daripada:

- a) seorang Pengerusi iaitu Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri.
- b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang dilantik oleh pihak berkuasa negeri.
- c) Setiausaha Kerajaan Negeri.
- d) Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri yang menjadi Setiausaha Jawatankuasa.
- e) Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- f) Pengarah Unit Perancang Negeri
- g) Pengarah Kerja Raya Negeri
- h) Penasihat Undang-undang Negeri
- i) Tidak lebih daripada empat ahli lain yang dilantik oleh pihak berkuasa Negeri

Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 4(1).

13. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan Akta Bandaraya Kuala Lumpur (Perancangan) 1973 (Akta 107) dan kemudiannya ditukar kepada Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

14. Tugas-tugas pihak berkuasa perancang tempatan ialah:

- a) untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasanya.
- b) untuk mengusaha, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monografi dan lain-lain siaran yang berhubung dengan perancang bandar dan desa dan metodologinya.
- c) untuk melaksanakan apa-apa tugas lain yang ditanggungkan ke atasnya dari masa ke semasa oleh pihak berkuasa Negeri atau oleh Jawatankuasa.

Sumber: *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 5(1).*

15. Walaupun terdapat pihak berkuasa yang mempunyai Jabatan Perancang Bandar, tetapi bilangan jururancang adalah sedikit. Oleh itu, penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan banyak diserahkan kepada perunding-perunding perancang bandar.

Sumber: *Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru.*

16. Menurut Boles, H. 1965,

Land-use maps are invaluable for considering unusual growth problems, since the maps are the best source of information on those land areas that will eventually support new houses - most of which will contain school pupils. It is relatively simple feat to learn how many homes there now are per acre in new developments and to apply that factor to undeveloped land areas intended for later residential use(Boles, 1965:43).

Sumber: *Boles, H. 1965. Step by Step to Better School Facilities. New York: Holt, Rinehart & Winston.*

17. Perkara-perkara yang di teliti oleh agensi teknikal semasa semakan pelan susunatur:

- a. Pentadbir Tanah Dearah - mengenai status dan syarat ke atas tanah yang akan dibangunkan dan tanah di sekitarnya.
- b. Tenaga Nasional Berhad - mengenai peruntukan bekalan dan keupayaan tenaga elektrik sedia ada di kawasan yang dibangunkan dan kawasan sekitarnya, halangan-halangan yang ada di atas tapak seperti talian-talian elektrik dan stesyen pencawang.
- c. Syarikat Telekom Malaysia - mengenai peruntukan bekalan dan keupayaan talian sedia ada di kawasan yang dibangunkan dan kawasan sekitarnya, halangan-halangan yang ada di atas tapak seperti talian-talian talipon.
- d. Jabatan Saliran dan Pembentukan - mengenai halangan-halangan yang ada di atas tapak dan kawasan sekitarnya seperti sungai, perparitan utama, lokasi dan keupayaan loji rawatan kumbahan manusia.
- e. Jabatan Jalan dan Lalulintas - mengenai hiraki dan keupayaan jalan utama sedia ada, jalan keluar masuk utama ke kawasan pembangunan dan cadangan jalan-jalan utama di kawasan yang akan dibangunkan dan kawasan sekitarnya.
- f. Jabatan Kesihatan - berkaitan dengan wabak-wabak penyakit dan punca-punca penyakit yang ada di tapak dan kawasan sekitarnya.
- g. Jabatan Perkhidmatan Bandar - berkaitan dengan kaedah pembuangan dan pelupusan sampah serta kumbahan
- h. Jabatan Alam Sekitar - menilai Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar bagi kawasan pembangunan yang melebihi 20 hektar. Bagi kawasan yang sensitif(seperti paya bakau, persisiran pantai, kawasan tadahan air) laporan yang sama perlu di sediakan tanpa tertakluk kepada saiz kawasan yang ingin dibangunkan. Laporan ini disediakan oleh perunding alam sekitar bagi pihak pemaju yang berupa kajian kemungkinan ke atas kesan pembangunan terhadap alam sekitar tapak dan kawasan sekitarnya, langkah-langkah kawalan ke atas alam sekitar sebelum, semasa dan sesudah pembangunan dilakukan.
- i. Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. - mengenai peruntukan bekalan dan keupayaan bekalan air yang ada di kawasan yang akan dibangunkan dan kawasan sekitarnya, lokasi tangki air, jenis tangki air yang sesuai, halangan-halangan yang ada di atas tapak dan kawasan sekitarnya seperti laluan paip air.

Sumber: *Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Johor Bahru.*

18. Seseorang tidak boleh memulakan, mengusaha atau menjalankan sebarang pemajuan melainkan mendapat kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan.

Sumber: *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 19 (1)*

19. Pemajuan didefinisikan sebagai:

- kerja-kerja bangunan yang meliputi meruntuh, berdiri, mendirikan semula atau meluaskan sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya.
- kerja-kerja kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain seumpamanya.
- membuat sesuatu perubahan matan dalam penggunaan tanah atau bangunan.
- memecah sempadan dan cantuman tanah.

Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 2(1)

20. Syarat-syarat tersebut akan menentukan antara lain; cadangan penjarangan, kelebaran dan aras jalan dan lorong belakang, garisan bangunan, ketinggian, bentuk, ruang lantai, kegunaan, bilangan dan ketumpatan bangunan, saiz unit, nisbah plot, kesesuaian potongan dan tambakan tanah, peruntukan perparitan dan pembentungan, peruntukan kawasan lapang rekreasi, pusat komuniti, sekolah dan lain-lain syarat yang perlu.

Sumber: Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Johor Bahru.

21. Kacauganggu bermaksud sesuatu perbuatan, ketinggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kekusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak-hak penduduk-penduduk umumnya.

Sumber: Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 2.

22. Untuk menguruskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa tempatan perlu mempertimbangkan perkara-perkara yang sesuai atau perlu untuk merancang dengan wajar iaitu dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan dan cadangan-cadangan rancangan pemajuan yang telah dibuat, sedang dibuat atau hendak dibuat atau sebarang bantahan jika ada.

Sumber: Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 22

23. Unjuran penduduk umur bersekolah rendah dilakukan menggunakan kaedah Cohort Survival iaitu dengan menghitung kadar hayat kumpulan umur bersekolah bagi tempoh tahun yang diunjurkan.

Lihat: Ta, 1969. Demographic Aspects of Educational Planning. Paris: International Institute for Educational Planning.

24. Bagi pihak berkuasa tempatan yang mempunyai Jabatan Perancangan Bandar iaitu Majlis Bandaraya dan Dewan Bandaraya.

Sumber: Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Johor Bahru.

25. Bagi pihak berkuasa tempatan yang tidak mempunyai Jabatan Perancangan Bandar seperti Majlis Daerah. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri adalah salah satu agensi teknikal yang memberikan ulasan terhadap pelan susunatur.

Sumber: Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Johor Bahru.

26. Serahbalik kurnia semula adalah proses ubahsyarat dan pecah sempadan tanah-tanah kepada lot-lot mengikut kegunaan tertentu. Lot-lot untuk kegunaan awam tidak dikurniakan semula kepada pemohon (pemaju). Lot-lot berkenaan menjadi milik Kerajaan dan akan dikurniakan kepada mana-mana Jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan. Jabatan atau agensi berkaitan perlu memohon kepada Kerajaan Negeri untuk merizab dan membangunkan tanah tersebut.

Sumber: Pegawai Perancang, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Johor Bahru.

27. Jumlah premium rizab pendidikan adalah sebanyak RM1,000 bagi satu lot tapak. Premium ini perlu dibayar oleh Jabatan Pendidikan Negeri kepada Kerajaan Negeri. Sebelum tahun 1998, premium tanah bagi rizab pendidikan di Negeri Johor adalah 30 peratus daripada harga pasaran semasa tanah.

Sumber: Pegawai Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Johor Bahru.

28. Permohonan kepada projek-projek pembangunan termasuk kemudahan sekolah dikemukakan di dalam 3 peringkat mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Mukim dan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah dimana salah seorang ahli jawatankuasanya adalah daripada Pejabat Pendidikan Daerah.

Sumber: Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Johor Bahru.